

26 AUG 2002

Mahathir-Nik Aziz

NIK AZIZ TIDAK PERNAH AKUI KELEMAHANNYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat adalah seorang yang tidak pernah mengakui kelemahan dirinya.

Walaupun ternyata beliau telah berdosa mengatakan Allah itu samseng, Nik Aziz masih enggan bertaubat, kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata sebagai manusia biasa, setiap orang ada kelemahannya dan beliau sendiri pun ada kecacatannya.

"(Mursyidul Am PAS) Nik Aziz pernah berkata saya tidak layak jadi pemimpin kerana menangis atas kegagalan untuk menukar orang Melayu dan menerapkan nilai-nilai lebih baik...itu kecacatan saya," katanya pada taklimat khas majlis penerangan tatacara mesyuarat dan pemilihan Pergerakan Puteri Umno di sini hari ini.

Antara kecacatan Nik Aziz pula ialah apabila beliau mengatakan Allah itu samseng dan penjahat, maka beliau perlulah bertaubat, katanya.

Beliau merujuk kepada tindakan Nik Aziz mengatakan Allah itu samseng dalam ceramahnya yang disiarkan RTM baru-baru ini dan pendiriannya yang terus mempertahankan kenyataannya itu.

Sementara itu di PUTRAJAYA, Penasihat Agama Perdana Menteri Tan Sri Abdul Hamid Othman berkata Nik Aziz mesti bertaubat dan kembali ke pangkal jalan kerana beliau telah melakukan kesalahan besar dalam akidah Islam dengan memanggil Allah itu samseng.

Perbuatannya adalah berdosa dan sesiapa yang mengikutnya juga berdosa, katanya pada persidangan media di pejabatnya hari ini.

Katanya perbuatan Nik Aziz itu, yang menimbulkan hal berkaitan zat dan sifat Allah, menyamai kumpulan Al-Khawarij ketika pemerintahan Bani Umayyah dan Bani Abasiyah.

Abdul Hamid berkata kumpulan itu, yang tinggi pengetahuan agama, hafal Al-Quran, pintar bersyair dan berpidato, berhasrat menggoncang dan meruntuhkan kestabilan kerajaan dan masyarakat ketika itu akibat didorong rasa benci.

"Malah ada di kalangan anggota Al-Khawarij itu dianggap "mulhid" iaitu terpesong iman setelah merasakan diri mereka terlalu dekat dan hampir dengan Allah," katanya.

Beliau berkata kenyataan Nik Aziz bahawa Allah mempunyai sifat buruk dan keji seperti manusia dan Allah bersifat kekurangan seperti samseng, jahat, penipu dan mencarut adalah satu kenyataan yang menjejaskan dan mengurangkan zat Allah dan mengurangkan kesempurnaan Tuhan.

"Sifat-sifat Allah dipanggil Al-Asma Ulhusna (nama indah lagi mulia sebanyak 99 nama). Sesiapa yang menyandarkan mana-mana sifat atau nama yang buruk kepada Allah seperti samseng, maka orang itu dipanggil dalam Al-Quran sebagai mulhid iaitu orang yang terpesong imannya," katanya.

Abdul Hamid mempersoalkan tujuan Nik Aziz membangkitkan perkara berkaitan akidah yang sentiasa diajar dan dipegang dalam syariat sejak Nabi Adam dan bukannya perkara yang berubah mengikut zaman dan keadaan.

Katanya perkara yang dibangkitkan Nik Aziz telah menimbulkan kegelisahan di kalangan umat Islam kerana sepanjang masa ajaran berkaitan dengan Islam ialah mengenai keagungan dan kebesaran Allah.

"Mengapa perkara ini dikeluarkan (Nik Aziz) dengan tidak semena-mena dalam masyarakat, tidak lain dan tidak bukan untuk mengacau pemikiran umat Islam," katanya.

Beliau berkata Nik Aziz mungkin berpegang kepada satu mazhab yang

ditolak oleh ahli Sunnah Waljmaah iaitu berpegang kepada "yang dikira ialah maksud batin, bukannya zahir yang dilafazkan" dan pendapat itu adalah salah dan mesti ditolak.

-- BERNAMA

RZS HK AHH RON